

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[ WANGSA MAJU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-

- (a) cadangan untuk membina lagi Perumahan Awam (PA) / Projek Perumahan Rakyat (PPR) dalam masa terdekat dan bilangan unit; dan
- (b) sejauh mana ketelusan DBKL dalam meluluskan permohonan unit PA atau PPR dan keperluan untuk menyemak semula kelayakan pemohon yang menduduki PA dan PPR ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Wangsa Maju, pembinaan Perumahan Awam (PA) / Projek Perumahan Rakyat (PPR) merupakan bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju jua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab menguruskan pengisian dan penyewaan Perumahan Awam (PA)/Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar (JPKKB).

## NO. SOALAN : 17

Permohonan penyewaan PA/PPR adalah melalui Sistem e-Perumahan di mana maklumat setiap pemohon yang berdaftar akan disaring berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Senarai nama pemohon yang telah disenarai pendek ini akan dibawa ke dalam Jawatankuasa Peruntukan Rumah Awam (JKPRA) yang terdiri daripada beberapa wakil jabatan dalaman DBKL untuk menilai semula kesahihan maklumat pemohon serta merit permohonan sebelum kelulusan diberikan kepada pemohon yang berjaya. Setiap wakil jabatan dalaman DBKL yang terlibat dalam JKPRA tersebut perlu menandatangani *integrity pact* bagi menjamin ketelusan keputusan yang dibuat dalam jawatankuasa.

Senarai nama yang telah berjaya dalam JKPRA tersebut akan diletakkan dalam senarai menunggu unit memandangkan kekosongan PA/PPR adalah terhad. Sebaik sahaja terdapat kekosongan unit yang disebabkan tindakan penguatkuasaan seperti pelanggaran syarat penyewaan, rumah tersebut akan dibaiki semula terlebih dahulu sebelum ditawarkan kepada penyewa yang baru.

JPKKB juga mengambil inisiatif dengan menyemak maklumat pemilikan harta pemohon dan juga pasangannya dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebelum surat tawaran penyewa dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya. Selain itu, JPKKB turut memberikan senarai nama penyewa PA/PPR sedia ada beserta pasangan ke LHDN bagi mendapatkan maklumat berkaitan pendapatan tahunan dan juga pemilikan harta yang terkini.

Sekian, terima kasih.